

Imbas kembali peristiwa menarik sepanjang 2013

Free Malaysia Today

2 January , 2013

By Zefry Dahalan

Bahagian Kedua

Pertengahan tahun 2013 merupakan saat-saat yang sangat dinantikan bukan sahaja oleh pemimpin parti politik tetapi juga rakyat, sektor korporat dan pelabur. Apa tidaknya Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) berlangsung pada 05 Mei 2013.

FMT mengimbas kembali peristiwa menarik yang berlaku pada pertengahan tahun 2013 untuk dijadikan memori kerana ada peristiwa tersebut merupakan sebahagian daripada sejarah yang telah tercatat dengan sendirinya.

Mei 2013

Susulan tidak puas hati dengan penjelasan Pengerusi Felda dan calon Barisan Nasional (BN) Jempol, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berhubung isu pajakan tanah peneroka Felda yang Mohd Isa jelaskan sebenarnya sewa, hampir seratus peneroka Felda mengadakan bantahan aman di Felda Palong 8, Jempol.

Menjelang beberapa hari sahaja PRU-13 diadakan, ceramah Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim di Seremban menarik lebih 25, 000 penyokong Pakatan Rakyat.

Anwar mengulangi janjinya untuk menurunkan harga minyak, menawarkan pendidikan percuma dan menghapuskan PTPTN serta tol secara berperingkat-peringkat.

Dalam temuramah eksklusif dengan FMT, Pengerusi BN Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan yakin BN mampu mempertahankan kerajaan negeri dalam PRU-13 serta akan mengambil semula kerusi-kerusi yang Bn pernah kalah pada PRU-12 pada tahun 2008.

Persaingan diantara BN dan Pakatan Rakyat di Negeri Sembilan sengit sehingga hari terakhir kempen kerana belum nampak tanda-tanda, mana-mana parti akan menang dua pertiga pada PRU-13.

BN berjaya mengekalkan Negeri Sembilan apabila memenangi 22 kerusi DUN manakala Pakatan Rakyat pula menang 14 kerusi DUN. Walaubagaimanapun BN sekali lagi gagal mendapat majoriti dua pertiga, sementara Pakatan Rakyat pula kurang satu kerusi berbanding pada tahun 2008 apabila menang 15 kerusi DUN.

Kematian P Karuna Nithi, 42, dari Gemencheh di lokap IPD Tampin menimbulkan kontroversi.

Jun 2013

S Deepa, 29, ibu kepada dua anak dari Jelevu, Negeri Sembilan mendakwa suami beliau mengislamkan kedua-dua anaknya yang berumur lima tahun dan lapan tahun tanpa pengetahuan beliau.

PAS Negeri Sembilan memfailkan petisyen mencabar keputusan PRU-13 untuk DUN Klawang yang dimenangi oleh calon BN, Datuk Yunus Rahmat.

Seramai 154 peneroka Felda Palong 4, 5 & 6 dari Jempol menuntut baki Bantuan Wang Tanam Semula daripada Risda yang dianggarkan berjumlah RM1.2 juta bagi 154 peneroka tersebut.

Peneroka Felda Palong 4, 5 & 6 juga mendesak kerajaan dan pihak Felda agar membangunkan segera Pusat Bandar Felda Palong yang tiada pembangunan ketara sejak 32 tahun lepas.

Seorang bapa Phoi Can Wah, 49, kesal apabila seorang doktor pakar hospital swasta di Seremban, memotong sebahagian cuping bawah telinga anak perempuannya sehingga menyebabkan cuping telinga anak gadisnya itu kelihatan cacat.

Seorang peniaga berusia 30an, Zainudin Ibrahim dari Taman Bukit Kepayang, Seremban mendakwa beliau diserbu seolah-olah seperti seorang penjenayah dihadapan orang ramai dan perbuatan ini menjatuhkan air mukanya.

FMT mencadangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menetapkan kerusi parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri kepada angka ganjil agar tidak berlaku masalah sekiranya keputusan sesebuah pilihan raya berkesudahan dengan seri, iaitu apabila kedua-dua parti yang bersaing memenangi jumlah kerusi yang sama banyak.

Ini bakal menimbulkan pelbagai masalah dan akan melewati proses pentadbiran kerajaan baru.

Julai 2013

Seorang bakal ibu Siti Mariana Abdullah, 24, merayu kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAI) Negeri Sembilan agar beliau dibenarkan keluar dari agama Islam. Nama asal beliau ialah N Santhi ketika beragama Hindu.

Sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO), Angkatan Kemajuan Tamil, hari ini menyelar laporan Berita Harian Online dan menafikan terbabit mengaktifkan gerakan kumpulan pemberontak Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) di Malaysia.

Presidennya M A Kalaimughilan berkata beliau berasa kesal dengan laporan portal tersebut yang sebenarnya tidak tepat.

Tinjauan FMT di Pasar Besar Seremban mendapati ramai pengguna sudah mula mengurangkan kuantiti ayam yang mereka beli disebabkan kenaikan harga ayam yang disifatkan oleh pengguna sebagai mahal dan membebankan mereka.

Ekoran kejadian Pengerusi MyWatch, R Sanjeevan yang ditembak oleh lelaki yang tidak

dikenali di Bahau, polis Negeri Sembilan telah menubuhkan satu 'task force' khas untuk menyiasat kes tembakan ini.

Seorang ibu kesal dengan sikap seorang guru sekolah menengah dari Mantin, Seremban dan mendakwa guru tersebut menampar anak lelaki beliau tanpa alasan munasabah.

Dalam satu sidang media yang diatur oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Nilai, J Arul Kumar (DAP); ibu pelajar terbabit, Tai Wai Sin, 42, berkata anak lelaki beliau merupakan pelajar Tingkatan Satu di sekolah tersebut.

Ogos 2013

Penduduk Kampung Sungai Gadut di sini berang dengan sikap pihak yang tidak bertanggungjawab yang melonggok sampah di tanah lapang milik persendirian berhampiran dengan kediaman mereka.

Tiga penduduk tempatan mendakwa Majlis Daerah Jempol (MDJL) mengenakan kadar cukai taksiran yang terlalu tinggi hingga mencetuskan perasaan kurang senang dan merasa diri mereka teraniaya.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Senator P Waythamoorthy menasihatkan agar pihak polis Jempol tidak melakukan tindakan intimidasi terhadap peneroka Ladang GATCO di Jempol.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohamad Hasan mengalu-alukan cadangan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Salleh Said Keruak agar Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada 5 Oktober.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan berkata lebih ramai pemimpin yang hendak menawarkan diri ke jawatan Naib Presiden adalah lebih baik.

Polis Jempol menafikan bahawa pihaknya melakukan gertakan terhadap peneroka GATCO. Ketua Polis Daerah Jempol, Suprintendan Hamzah Alias berkata polis mengambil tindakan berdasarkan kepada laporan polis yang dibuat oleh pengadu iaitu Thamarai Holdings.

Pemuda PAS mendesak kerajaan mengadakan segera persidangan Parlimen tergepar membincangkan isu pertumpahan darah dan perang saudara sesama umat Islam di Mesir.

Ketua Pemuda DAP, Teo Kok Seong mengecam kerajaan kerana tidak menjalankan penilaian serta penyelidikan yang teliti sebelum melaksanakan Automated Enforcement System (AES).

Teo berkata bahawa keputusan pihak kerajaan untuk menilai semula pelaksanaan dan pengurusan AES telah menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak menjalankan penilaian serta penyelidikan yang teliti sebelum melaksanakan sistem AES.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohamad Hasan menasihatkan pihak sekolah dan Persatuan IbuBapa dan Guru (PIBG) sentiasa memantau keselamatan pelajar dalam setiap

program anjuran sekolah.

Mohamad berkata demikian merujuk kepada insiden lima pelajar yang cedera akibat letupan gas dapur mudah alih di Majlis Hari Kantin Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban.

Gabungan NGO-NGO (Badan Bukan Kerajaan) Tamil membantah filem Hindi 'Madras Café' yang menyinggung perasaan masyarakat Tamil Malaysia mahupun sedunia.

Presiden 'Tamils Progressive Team', MA Kalaimugilan, mewakili gabungan NGO-NGO itu berkata Gabungan NGO-NGO Tamil tersebut membantah filem 'Madras Café' yang menyinggung perasaan masyarakat Tamil Malaysia mahupun sedunia, dimana perjuangan-perjuangan masyarakat Tamil Sri Lanka yang menuntut kebebasan digambarkan sebagai pengganas dalam filem ini.

PAS Negeri Sembilan kalah dalam kes petisyen PRU-13 untuk DUN Klawang dengan kos RM40, 000.

Menurut Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohamad Hasan, ahli-ahli Umno yang menawarkan diri dalam pemilihan Bahagian diminta tidak bertanding untuk menghancurkan parti sebaliknya ahli-ahli Umno wajar diberi pilihan untuk memilih pemimpin yang terbaik.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2014/01/02/imbas-kembali-peristiwa-menarik-sepanjang-2013/>